

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]**

**SOALAN NO. 140**

**TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan kedudukan kelab malam, karaoke yang beroperasi di pusat bandar raya Kuala Lumpur hingga larut malam dan menyebabkan kacau ganggu bunyi bising ke atas penduduk-penduduk.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Bintang, terdapat 115 pusat hiburan malam di Parlimen Bukit Bintang. Waktu operasi pusat hiburan malam di dalam pusat bandaraya telah ditetapkan. Masa operasi yang telah ditetapkan dengan ketetapan seperti di bawah:-

- 1) Kurang atau sehingga jam 3.00 pagi yang melibatkan 106 premis pusat hiburan; dan
- 2) Bagi zon tumpuan pelancong masa operasi yang telah ditetapkan adalah sehingga jam 5.00 pagi yang melibatkan 9 premis pusat hiburan.

Syarat-syarat utama yang perlu dipatuhi sebelum lesen hiburan malam diluluskan adalah:

## SOALAN NO: 140

- 1) Perlu mendapat kelulusan Perintah Pembangunan (DO) aktiviti hiburan dari Jabatan Perancangan Bandaraya;
- 2) Lokasi kedudukan premis hendaklah berada di luar lingkungan jarak 100 meter dari kediaman, rumah ibadat, sekolah, hospital dan balai polis (kecuali yang telah mendapat kelulusan Perintah Pembangunan);
- 3) Premis dilengkapi dengan sistem kedap bunyi (*sound proof*) serta pintu dua lapis (*double door*); dan
- 4) Paras kawalan bunyi bising atau muzik dan sebagainya di luar premis hendaklah tidak melebihi 5 dBA di waktu malam (10 malam - 7 pagi) berdasarkan perbezaan paras di antara paras *ambient* (latarbelakang) dan paras punca;

Selain itu, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) juga menjalankan pemantauan berkala di premis hiburan yang beroperasi sekitar Bukit Bintang bagi memastikan premis mematuhi syarat-syarat pelesenan yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.